

**PERPUSTAKAAN  
FAKULTI ALAM BINA**



FAB3000009780

**PENYENGGARAAN SISTEM PENCEGAH KEBAKARAN DI HOSPITAL  
SULTANAH AMINAH JOHOR BAHRU (HSAJB)**

**YASMIN NABILAH BINTI MOHD YAMIN**

Laporan projek ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan  
(Kepujian)

Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia

**MEI 2009**

## ABSTRAK

Penyelidikan ini telah dijalankan untuk meninjau pelaksanaan kerja penyenggaraan sistem pencegah kebakaran di Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru (HSAJB). Fokus kajian tertumpu kepada dua perkara utama iaitu jenis sistem pencegah kebakaran yang digunakan dan penyenggaraan sistem pencegah kebakaran oleh pihak hospital berkenaan sama ada mengikut peruntukan yang telah ditetapkan ataupun tidak. Kajian ini melibatkan 5 orang responden yang terdiri daripada kakitangan penyenggaraan sistem kebakaran di hospital ini. Satu set soalan temubual berstruktur yang mengandungi 34 item berdasarkan skop penyelidikan digunakan sebagai instrumen kajian. Data-data yang dikumpul seterusnya dianalisis menggunakan *Microsoft Office Excel* dengan kaedah peratusan, median dan jadual. Hasil analisis daripada persoalan kajian pertama menunjukkan terdapat tujuh sistem pencegah kebakaran di hospital ini iaitu sistem pemadam mudahalih, sistem pengesan asap dan haba, sistem penggera kebakaran, sistem penyembur automatik, sistem pancur basah dan kering, sistem gegelung hos dan sistem karbon dioksida jenis tetap. Manakala, aspek kerja penyenggaraan sistem pencegah kebakaran di Hospital Sultanah Aminah masih berada pada tahap yang kurang memuaskan dimana dua daripada tujuh sistem pencegah kebakaran diselenggara tidak mengikut polisi yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mahupun peruntukan berkaitan penyenggaraan sistem tersebut. Sistem yang telah dikenalpasti tidak diselenggara dengan baik adalah sistem pengesan dan sistem penggera kebakaran di mana pihak penyenggaraan hospital tidak pernah melaksanakan penyenggaraan ke atas sistem pengesan. Manakala bagi sistem penggera pula, hanya 62.5% bangunan kajian di HSAJB melaksanakan ujian bunyi.

## ABSTRACT

This research was carried out to investigate the implementation of maintenance work of fire fighting system at Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru (HSAJB). The research will focused on two main things which are types of fire fighting system that had been use in this hospital and the maintenance of fire fighting system by the hospital management either following the policy or related regulation that already fixed or not. This research involved 5 respondents from the maintenance staff of fire fighting at hospital research. A set of interview questionnaire consist of 34 items which is based on the scope of this research was used as a research instrument. The cumulative data was analyzed using *Microsoft Office Excel* with percentage, median and schedule method. The finding from the first research question indicated that there are seven system of fire fighting in these hospital which are fire extinguisher system, smoke and heat detector, fire alarm system, sprinkler system, wet and dry riser system, hose reel system and fixed carbon dioxide system. While, the aspect of maintenance for the fire fighting system in Hospital Sultanah Aminah are present at unsatisfied. Where two out of seven systems are not maintained followed the Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) policy or regulation that related with the maintenance of system. The systems that had been identified are detector and fire alarm system where the maintenance staffs of hospital never actualize the maintenance of detector. While, for fire alarm system, only 62.5% of building in HSAJB actualize the buzzer test.